

TERHAD

JABATAN PENGURUSAN FASILITI BERSEPADU • DEPARTMENT OF INTEGRATED FACILITIES MANAGEMENT

Rujukan : UKM HTM.1/303/2

Tarikh : 15 Julai 2025

Semua Ketua
Jabatan/Pusat/Unit
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan,

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 9/2025 – PEMAKAIAN POLISI KEMUDAHAN KLINIK PANEL UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas dan pemakluman daripada Jabatan Pendaftar UKM melalui hebahan e-mel bertarikh 09 Julai 2025 adalah berkaitan.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 9/2025 mengenai Pemakaian Polisi Kemudahan Klinik Panel Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah diluluskan pada Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil. 5/2025 bertarikh 8 Mei 2025. Untuk makluman, semua kakitangan lantikan HCTM layak mendapatkan kemudahan rawatan perubatan sepertimana yang dinyatakan di dalam polisi. Walau bagaimanapun, terdapat pindaan pada perkara 3.3, 6.0, 8.3, 8.4 dan 9.0. Pelaksanaan bagi kakitangan HCTM adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Pelaksanaan HCTM
1.	3.3	Pengemaskinian dan pendaftaran tanggungan kakitangan perlu dibuat melalui Profil Staf di pautan https://profilstafv2.ukm.my
2.	6.0	- Pemilihan Klinik Panel perlu menggunakan Borang Pemilihan/Penambahan/ Pertukaran Klinik Panel yang boleh dimuat turun melalui pautan https://hctm.ukm.my/fasiliti/wp-content/uploads/2024/07/B19-BORANG-PEMILIHAN-PENUKARAN-PENAMBAHAN-KLINIK-PANEL.pdf. - Kakitangan perlu memilih dua (2) klinik panel yang dilantik oleh HCTM. Borang yang telah lengkap diisi perlu dihantar kepada urus setia Klinik Panel bagi tujuan pengemaskinian senarai klinik panel. Pengemaskinian atau penukaran klinik panel hanya boleh dibuat dalam tempoh enam (6) bulan sekali dalam tahun semasa sekiranya perlu.



JABATAN PENGURUSAN FASILITI BERSEPADU
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
Tingkat 1, Blok Asrama Jururawat, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Tel.: +603-9145 8221 / 5108 / 5105 / 5101 Web: hctm.ukm.my/fasiliti

TERHAD

TERHAD

3.	8.3	Tuntutan bayaran balik rawatan selain daripada Klinik Panel yang dipilih perlu dibuat dengan melengkapkan Borang Tuntutan Bayaran Rawatan Perubatan dengan disertakan resit asal yang tidak melebihi tempoh tiga (3) bulan dari tarikh resit. Tuntutan hanya diluluskan untuk tahun semasa sahaja. Bagi tuntutan yang dibuat pada akhir tahun Disember boleh diperakukan untuk kelulusan sehingga bulan Januari tahun berikutnya.
4.	8.4	Borang Tuntutan Bayaran Rawatan Perubatan boleh dimuat turun melalui pautan berikut: https://hctm.ukm.my/fasiliti/wp-content/uploads/2025/06/B22-BORANG-TUNTUTAN-BAYARAN-PERUBATAN-25.6.2025.pdf
5.	9.0	Untuk sebarang maklum balas atau cadangan berkaitan perkhidmatan klinik panel boleh dimajukan kepada urus setia klinik panel HCTM seperti berikut: 1- Encik Muhamad Khairi Khalis Ketua Penolong Pendaftar Unit Kemudahan Kakitangan Jabatan Pengurusan Fasiliti Bersepadu No. telefon : 03 – 9145 5102 2- Puan Norazalina Abdullah Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Unit Kemudahan Kakitangan Jabatan Pengurusan Fasiliti Bersepadu No. telefon : 03 – 9145 5105

3. Oleh yang demikian, YBhg. Prof./Dato'/tuan/puan adalah dimohon untuk memaklumkan perkara ini kepada kakitangan seliaan di Jabatan/Pusat/Unit.

Segala kerjasama dan keprihatinan pihak YBhg. Prof./Dato'/tuan/puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



ROHAYA ISMAIL

Ketua

Jabatan Pengurusan Fasiliti Bersepadu

s.k - Pengarah, HCTM
- Timbalan Pengarah (Pentadbiran), HCTM

**POLISI KEMUDAHAN KLINIK PANEL
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Polisi ini bertujuan untuk menetapkan dan menerangkan segala peraturan dan panduan kepada staf di Universiti Kebangsaan Malaysia berkaitan Pelaksanaan Kemudahan Klinik Panel.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil. 5/2025 bertarikh 8 Mei 2025 telah meluluskan pemakaian Polisi Kemudahan Klinik Panel Universiti Kebangsaan Malaysia;
- 2.2 Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil. 12/2024 bertarikh 20 Ogos 2024 telah meluluskan kadar baharu Klinik Panel iaitu RM 60.00 berkuat kuasa 1 Januari 2025;
- 2.3 Melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Kemudahan Perubatan Versi 1.0 (2024), kemudahan perubatan seperti rawatan perubatan, rawatan jantung, dialisis dan pembekalan alat/ulat diberikan kepada staf, pesara dan tanggungan yang layak. Walau bagaimanapun, sebagai majikan yang prihatin, Universiti mengambil inisiatif untuk menyediakan peruntukan khas bagi Kemudahan Klinik Panel hanya kepada staf dan tanggungan yang layak; dan
- 2.4 Kelayakan tanggungan staf bagi Kemudahan Klinik Panel ini adalah dilaksanakan pemakaiannya berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Kemudahan Perubatan Versi 1.0 (2024) dan Perintah Am Bab F Tahun 1974.

3.0 KELAYAKAN STAF DAN TANGGUNGAN

3.1 Kelayakan staf dan tanggungan

Bil.	Status Lantikan	Kelayakan	
		Diri Sendiri	Tanggungan
3.1.1	Staf berstatus tetap, sementara, kontrak (<i>contract of service</i>)	Layak	Suami atau Isteri - Isteri yang didaftarkan di dalam sistem. (SMK/Profilstaf) Anak-anak yang ditanggung sepenuhnya termasuk anak tiri atau anak angkat yang sah dari segi undang-undang dengan syarat bahawa anak itu: berumur di bawah 18 tahun atau sekiranya masih belajar sehingga peringkat Ijazah Pertama di bawah umur 26 tahun. Anak-anak yang daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani OKU (tiada had umur)
3.1.2	Staf cuti belajar	Layak	
3.1.3	Staf kontrak SBU/UKMShape/ Geran Penyelidikan (<i>Contract for service</i>)	Layak (Secara tuntutan bayaran balik dengan kelulusan PTj atau Ketua Geran/Projek)	Tidak layak
3.1.4	Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU)	Layak	Tidak layak
3.1.5	Profesor Ulung	Layak	Layak
3.1.6	Profesor Adjung*	Layak	Tidak layak
3.1.7	Tutor*	Layak	Layak

3.1.8	Profesor Ikhtisas* (contract of services)	Layak	Layak
3.1.9	Penyandang Kursi Kurniaan*	Layak	Layak
3.1.10	Pensyarah Pelawat (Profesor/Profesor Madya/Dr)*	Layak (Secara Tuntutan Bayaran Balik Tertakluk Kelulusan PTi)	Tidak layak
3.1.11	Profesor Kehormat*	Tidak layak	Tidak layak
3.1.12	Sarjana Tamu* Karyawan Tamu* Felo Tamu*	Tidak layak	Tidak layak
3.1.13	Gig Akademik	Tidak layak	Tidak layak
3.1.14	Penyelidik Pasca Doktorat*	Tidak layak (Rujuk PTj)	Tidak layak
3.1.15	Personal MyStep	Tidak layak	Tidak layak

*Tertakluk juga kepada surat tawaran pelantikan.

- 3.2 Staf dan tanggungan hanya boleh mendapat faedah kemudahan rawatan di Klinik Panel setelah didaftarkan di dalam Sistem Maklumat Kakitangan (SMK) atau Profilstaf mengikut kelayakan yang telah ditetapkan oleh Universiti;
<https://profilstafv2.ukm.my/>
- 3.3 Pengemaskinian dan pendaftaran tanggungan boleh dibuat melalui pautan berikut:<https://www.ukm.my/pendaftar/klinikpanelukm/>. Setiap permohonan perlu disertakan dengan dokumen sokongan seperti sijil kelahiran/sijil nikah/surat pengesahan belajar atau lain-lain dokumen berkaitan dan muat naik (upload) dokumen ke dalam sistem tersebut; dan
- 3.4 Kemaskini tanggungan yang baharu perlu dibuat sekurang-kurangnya **enam (6) bulan** dari tarikh kelahiran atau perkahwinan bagi tuntutan bayaran balik rawatan Klinik Panel.

4.0 KADAR RAWATAN KLINIK PANEL

- 4.1 Kadar yang ditetapkan untuk kemudahan Klinik Panel adalah **RM60.00** bagi setiap rawatan dan setiap hari untuk setiap staf dan tanggungan yang layak;
- 4.2 Imunisasi wajib bagi bayi berumur sehingga **dua (2)** tahun adalah ditanggung dengan kadar RM60.00 sahaja;
- 4.3 Pihak Universiti tidak bertanggungjawab dengan caj lebih kadar yang dikenakan dan Klinik Panel hendaklah menuntut lebih caj ini daripada staf itu sendiri; dan
- 4.4 Staf digalakkan untuk memohon perincian bil. selepas mendapatkan rawatan dan perkhidmatan di Klinik Panel sekiranya perlu.

5.0 JENIS RAWATAN KLINIK PANEL

Rawatan Yang Ditanggung	Rawatan Yang Tidak Ditanggung
Rawatan Pesakit Luar (<i>outpatient</i>)	Rawatan Kepakaran • Rawatan kepakaran/pembedahan serta pembekalan ubat-ubatan pakar (<i>specialist medication</i>); • Rawatan kepakaran dibenarkan di Hospital/Klinik Kerajaan; dan • Klinik panel perlu merujuk kes-kes sedemikian kepada Hospital/Klinik Kerajaan.
Rawatan susulan ibu mengandung (<i>Pre-natal/Ante-natal/Post-natal</i>): • Pemeriksaan darah • Pemeriksaan air kencing • Pemeriksaan fizikal • <i>Ultrasound</i> • Ubat-ubatan berkaitan	Rawatan Sakit Puan: • Rawatan bersalin • Alat atau pil perancang keluarga • Rawatan pap smear • Ubat kawalan edaran haid • Rawatan kesuburan
Pemeriksaan kesihatan (<i>medical check-up</i>) termasuk X-Ray untuk staf sahaja dan terhad bagi tujuan: • Lapor diri jawatan baru; • Melanjutkan pelajaran di dalam atau di luar negara dengan kelulusan Universiti; • Menghadiri kursus/latihan dengan kelulusan Universiti; • Penyambungan kontrak perkhidmatan; • Keperluan perkhidmatan atas arahan Ketua Jabatan.	Sebarang rawatan ' <i>house call</i> ' tidak dibenarkan.
Vaksin imunisasi wajib bagi bayi berumur 0-2 tahun: • Dua (2) dos suntikan 'Hepatitis B' • Empat (4) dos suntikan 'Oral Polio' • Empat (4) dos suntikan 'Difteria Pertusis Tetanus' (DPT) • Tiga (3) dos suntikan 'Hemophilus Influenza Type B' (HIB) • Satu (1) dos suntikan 'Measles, Mumps, Rubella' (MMR) <i>*Tertakluk kepada senarai vaksin wajib Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).</i>	Imunisasi dewasa • Influenza • Human Papilloma Virus (HPV) • Hepatitis • Imunisasi Haji dan Umrah <i>*Tertakluk kepada senarai vaksin Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).</i>

	Sebarang vitamin, mineral dan diet tambahan: • Vitamin • Bekalan susu • Pil kecantikan • Steroid
	Perkhidmatan berkhatan
	Rawatan <i>Depression/Anxiety</i> (Mental, Emosi)
	Ubat-ubatan sakit kronik: • Sakit jantung • Diabetes (Kencing Manis) • Darah tinggi
	Rawatan Alternatif: Contoh: Akupunktur, urutan tradisional.

6.0 PEMILIHAN KLINIK PANEL

- 6.1 Setiap staf yang layak perlu memilih **dua (2)** daripada senarai klinik panel yang telah dilantik oleh Jawatankuasa Pelantikan dan Pemilihan Klinik Panel UKM;
- 6.2 Staf diwajibkan untuk memilih **Poliklinik UKM Kesihatan** sebagai salah satu Klinik Panel pilihan;
- 6.3 Permohonan pengecualian akan dipertimbangkan sekiranya tiada Poliklinik UKM Kesihatan berhampiran tempat tinggal sekurang-kurangnya 25 km.
- 6.4 Pemilihan dan kemaskini Klinik Panel boleh dilakukan seperti di pautan berikut: <https://www.ukm.my/pendaftar/klinikpanelukm/>; dan
- 6.5 Kemaskini atau penukaran Klinik Panel hanya boleh dilakukan bagi setiap **enam (6) bulan** sahaja.

7.0 PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI (PKU)

- 7.1 Selain daripada Klinik Panel yang telah dilantik, staf dan tanggungan boleh mendapatkan rawatan di PKU mengikut waktu operasi yang telah ditetapkan; dan
- 7.2 Kadar rawatan RM60.00 juga diguna pakai di PKU bagi setiap staf dan tanggungan yang layak. Namun, tiada lebihan bayaran akan dikenakan kepada staf sekiranya kos rawatan melebihi kadar yang ditetapkan.

8.0 TUNTUTAN BAYARAN BALIK KEMUDAHAN KLINIK PANEL

- 8.1 Bayaran balik rawatan selain daripada Klinik Panel yang dipilih boleh dituntut sekiranya:
 - 8.1.1 Klinik Panel yang dipilih tutup atau di luar waktu operasi semasa staf dan tanggungan ingin mendapatkan rawatan;
 - 8.1.2 Staf dan tanggungan berada di luar kawasan daripada tempat tinggal dan Klinik Panel yang dipilih;
 - 8.1.3 Tiada Klinik Panel berhampiran dengan tempat tinggal sekurang-kurangnya 25 km; dan
 - 8.1.4 Pemeriksaan kesihatan termasuk (X-Ray) bagi tujuan lapor diri jawatan baru dan cuti belajar.
- 8.2 Hospital Pakar Swasta bagi rawatan pesakit luar dan kepakaran adalah tidak dibenarkan untuk tuntutan bayaran balik;
- 8.3 Tuntutan perlu dibuat dengan melengkapkan **Borang Tuntutan Bayaran Rawatan Perubatan** berserta resit rawatan asal yang tidak melebihi enam (6) bulan tahun semasa; dan
- 8.4 Pautan bagi Borang Tuntutan Bayaran Rawatan Perubatan adalah seperti berikut: https://www.ukm.my/pendaftar/wp-content/uploads/2025/01/Borang-Tuntutan-Perubatan-Pergigian_2025.pdf) dan dihantar untuk diproses di Pusat Tanggungjawab (PTj) masing-masing.

9.0 MAKLUM BALAS STAF

- 9.1 Setiap staf yang telah mendapatkan rawatan di klinik panel diwajibkan untuk melengkapkan maklum balas bagi menilai perkhidmatan klinik panel yang telah diterima;
- 9.2 Sebarang maklum balas, cadangan penambahbaikan atau aduan berkaitan perkhidmatan Klinik Panel, sila hubungi urus setia klinik panel seperti berikut:

Urus Setia Klinik Panel
Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan
Jabatan Pendaftar
Aras 5, Bangunan Canselori, UKM, Bangi
E-mel: adminklinikpanel@ukm.edu.my
No. Telefon: 03 - 8921 5195/4529/4435/5555

10.0 PENGUATKUASAAN

Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai tarikh kelulusan MPU.

Disediakan oleh:

**Bahagian Pentadbiran & Kemudahan
Jabatan Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia**

Tarikh: 8 Mei 2025

Rujukan:

1. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Kemudahan Perubatan (2024)
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2024: Sistem Saraan Perkhidmatan Awam
3. Perintah Am Bab F Tahun 1974